



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 12/2025

Inflasi sederhana, pasaran buruh yang kukuh dan prestasi yang stabil merentasi sektor utama mengekalkan momentum positif ekonomi Malaysia.

PUTRAJAYA, 31 DISEMBER 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 12/2025**. Edisi ini memberi tumpuan kepada statistik terkini yang dikeluarkan pada Oktober 2025 dan beberapa statistik akan datang untuk November 2025. Selain itu, edisi ini menampilkan artikel tambahan bertajuk, “Prestasi Sektor Pertanian Makanan Malaysia Dari Perspektif Pengeluaran” yang menekankan bahawa subsektor agromakanan Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang kukuh merentasi komoditi utama, dengan sayur-sayuran menerajui pengembangan, diikuti oleh rempah ratus, buah-buahan dan tanaman perindustrian. Momentum positif ini, bersama peningkatan berterusan dalam pengeluaran ternakan dan perikanan, menggariskan daya tahan sektor ini serta peranan pentingnya dalam menjamin keselamatan makanan negara.

Dalam keadaan ekonomi global yang semakin stabil secara beransur-ansur, *OECD Economic Outlook (Volume 2025 Issue 2)* mengunjurkan pertumbuhan KDNK global pada 3.2 peratus pada tahun 2025, sebelum menyederhana kepada 2.9 peratus pada tahun 2026 berikutan keadaan fiskal semakin ketat dan perdagangan global yang masih lembap. Pertumbuhan ini dijangka meningkat kepada 3.1 peratus pada tahun 2027, disokong oleh inflasi yang semakin mereda dan keadaan kewangan yang lebih akomodatif. Namun begitu, kelemahan perdagangan yang masih berlarutan dan ruang fiskal yang terhad terus menimbulkan risiko penurunan, sekali gus memperlahankan momentum pemulihan ekonomi global.

Menyoroti prestasi ekonomi terkini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kumulatif sebanyak 4.7 peratus dalam tiga suku tahun pertama 2025, menyederhana daripada 5.2 peratus dalam tempoh yang sama tahun lepas. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama, disokong oleh

permintaan domestik yang stabil, manakala Pembuatan berkembang secara sederhana dan Pembinaan terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh. Pertanian dan Perlombongan & Pengkuarian menunjukkan prestasi bercampur, mencerminkan kesan keadaan cuaca dan perubahan harga komoditi.”

Susulan prestasi ekonomi Malaysia yang stabil, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) terus mengukuh pada Oktober 2025, meningkat 6.0 peratus tahun ke tahun berbanding 5.7 peratus pada bulan September. Sektor Pembuatan menerajui pengembangan dengan pertumbuhan sebanyak 6.5 peratus, disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam sektor Perlombongan 5.8 peratus, manakala sektor Elektrik mencatatkan peningkatan lebih sederhana 1.2 peratus. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, keseluruhan pengeluaran perindustrian pulih dengan peningkatan 2.1 peratus, pulih daripada penurunan marginal 0.02 peratus pada bulan sebelumnya.

Momentum dalam sektor Pembuatan mengukuh pada Oktober 2025, dengan jumlah nilai jualan meningkat 6.3 peratus tahun ke tahun kepada RM171.7 bilion (September: 4.3%), mencerminkan aktiviti perindustrian yang kukuh dan pengeluaran berorientasikan eksport. Dari segi pertumbuhan, subsektor produk Elektrik & Elektronik berkembang 11.5 peratus, disokong oleh output yang lebih tinggi dalam industri yang didorong oleh eksport. Pertumbuhan ini turut dipacu oleh permintaan industri yang lebih meluas merentasi subsektor pembuatan lain. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan pembuatan meningkat 1.4 peratus berbanding September 2025, menunjukkan momentum pasaran domestik dan antarabangsa yang mampan.

Melihat secara lebih menyeluruh terhadap sektor Perkhidmatan Malaysia, jumlah jualan dalam Perdagangan borong & runcit mencecah RM160.9 bilion pada Oktober 2025, mencatat peningkatan 7.2 peratus tahun ke tahun. Menerajui momentum ini, Perdagangan borong mencatatkan jualan RM71.2 bilion, meningkat RM4.8 bilion atau 7.3 peratus berbanding tahun sebelumnya, mencerminkan aktiviti komersial yang kukuh. Sementara itu, Perdagangan runcit turut menyumbang dengan jualan RM69.3 bilion, meningkat RM4.4 bilion atau 6.8 peratus tahun ke tahun, disokong oleh permintaan pengguna yang stabil. Subsektor Kenderaan bermotor juga menunjukkan prestasi yang baik, mencatatkan jualan RM20.4 bilion, meningkat RM1.5 bilion atau 8.2 peratus berbanding Oktober 2024. Dari segi bulan ke bulan, jualan keseluruhan meningkat 1.8 peratus, didorong terutamanya oleh subsektor Kenderaan bermotor. Prestasi gabungan subsektor ini menunjukkan daya tahan serta pertumbuhan berterusan sektor Perkhidmatan Malaysia.

Memberi tumpuan kepada trend perdagangan luar Malaysia, perdagangan barangan Malaysia meningkat 13.6 peratus tahun ke tahun kepada RM277.6 bilion pada Oktober 2025, disokong oleh prestasi eksport yang kukuh. Eksport meningkat 15.7 peratus kepada RM148.3 bilion, manakala import meningkat 11.2 peratus kepada

RM129.3 bilion. Dari segi bulan ke bulan, jumlah perdagangan meningkat 7.7 peratus, dipacu oleh eksport yang lebih tinggi (+6.7%) dan import (+8.9%). Sehubungan itu, imbalan dagangan kekal dengan lebihan RM19.0 bilion, walaupun pertumbuhan menyusut 6.1 peratus berbanding September 2025. Momentum positif terus kekal pada November 2025, dengan jumlah perdagangan meningkat 11.1 peratus tahun ke tahun kepada RM263.8 bilion, disokong oleh peningkatan dalam kedua-dua eksport dan import, manakala lebihan perdagangan mengecil sebanyak 58.8 peratus kepada RM6.1 bilion.

Dari perspektif harga, inflasi Malaysia menyederhana kepada 1.3 peratus tahun ke tahun pada Oktober 2025, menurun daripada 1.5 peratus pada bulan September. Penyederhanaan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kenaikan yang lebih perlahan dalam Makanan & Minuman (1.5%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.1%), manakala peningkatan harga yang lebih tinggi dicatatkan dalam Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (6.0%), Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.4%), dan Kesihatan (1.5%). Bagi asas bulan ke bulan, inflasi keseluruhan menurun 0.1 peratus, terutamanya disebabkan oleh harga yang lebih rendah dalam Pengangkutan dan kumpulan berkaitan perumahan. Sementara itu, pada November 2025, inflasi Malaysia meningkat sedikit kepada 1.4 peratus, mencerminkan tekanan harga yang sederhana merentasi kategori terpilih.

Melihat kepada harga pengeluar, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia bagi Pengeluaran Tempatan mencatat penyusutan marginal 0.1 peratus tahun ke tahun pada Oktober 2025, mereda daripada penguncupan yang lebih besar sebanyak 0.8 peratus pada bulan September. Penurunan ini didorong terutamanya oleh harga yang lebih rendah dalam Pembuatan (-0.6%) dan Perlombongan (-1.0%), manakala peningkatan diperhatikan dalam Pertanian, Perhutanan & Perikanan (+2.7%), Bekalan Elektrik & Gas (+4.3%), dan Bekalan Air (+10.8%). Dari segi bulan ke bulan, IHPR keseluruhan menurun sebanyak 1.8 peratus pada bulan November, susulan penurunan sederhana sebanyak 0.1 peratus pada bulan Oktober, mencerminkan turun naik berterusan dalam harga pengeluar.

Dalam konteks pasaran buruh, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa tenaga buruh Malaysia meningkat 2.8 peratus tahun ke tahun kepada 17.06 juta orang pada Oktober 2025 (Oktober 2024: 17.10 juta), manakala bilangan pekerja meningkat 0.2 peratus bulan ke bulan. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) kekal stabil pada 70.9 peratus, menunjukkan peningkatan 0.3 mata peratusan berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar pengangguran kekal pada 3.0 peratus secara bulanan, menurun 0.2 mata peratusan tahun ke tahun, mencerminkan daya tahan berterusan dalam pasaran buruh Malaysia.

Seperti yang dicerminkan dalam Indeks Pelopor Malaysia, indeks tersebut meningkat 3.6 peratus tahun ke tahun kepada 116.2 mata pada Oktober 2025 (Oktober 2024: 112.2), disokong terutamanya oleh peningkatan dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan, serta peningkatan ketara dalam Import Benar Semi Konduktor dan; Import Benar Logam Asas Berharga dan Logam Bukan Ferus Lain. Dari segi bulan ke bulan, indeks meningkat 2.6 peratus, dengan trend arah aliran jangka panjang terlicin kekal di atas paras 100.0 mata, menandakan trajektori ekonomi yang lebih positif pada masa hadapan.

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dalam sepuluh bulan pertama tahun 2025, disokong oleh pertumbuhan yang stabil dalam Pembuatan, Perkhidmatan dan Pembinaan, yang menyokong pengeluaran perindustrian dan jualan pembuatan yang mampan. Pengembangan ini diperkukuh dengan Perdagangan borong & runcit yang kukuh dan peningkatan eksport, membantu mengekalkan lebihan perdagangan yang positif. Walaupun terdapat peningkatan, inflasi dan harga pengeluar kekal sederhana, mengekalkan kuasa beli isi rumah. Kestabilan pekerjaan dan penyertaan tenaga buruh turut mengukuhkan kekuatan ekonomi, manakala Indeks Pelopor mencadangkan prospek jangka pendek yang menggalakkan, menunjukkan bahawa Malaysia berada di landasan yang betul untuk mengekalkan pertumbuhan yang stabil.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 Disember 2025**

Lampiran 1: Petunjuk Ekonomi Bulanan




Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

7.2%
Oktober 2025



Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

5.7%
Oktober 2025




Eksport

7.0%
November 2025




Import

15.8%
November 2025




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.4%
November 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-1.8%
November 2025





MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 12/2025

Moderate inflation, robust labour market, and steady performance across key sectors sustain Malaysia's positive economic momentum.

PUTRAJAYA, 31st DECEMBER 2025 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 12/2025**. This edition focuses on the recent statistics released in October 2025 and some forthcoming statistics for November 2025. On top of that, this edition features an additional article titled, “Performance of Malaysia's Agrofood Sector from a Production Perspective” highlights that Malaysia's agrofood subsector demonstrated strong growth across key commodities, with vegetables leading the expansion, followed by spices, fruits, and industrial crops. This positive momentum, alongside steady gains in livestock and fisheries production, underscores the sector's resilience and its critical role in ensuring national food security.

Amid a gradually stabilising global economy, the OECD Economic Outlook (Volume 2025 Issue 2) projects global GDP growth at 3.2 per cent in 2025, before moderating to 2.9 per cent in 2026 as fiscal conditions tighten and global trade remains subdued. Growth is expected to edge up to 3.1 per cent in 2027, supported by easing inflation and more accommodative financial conditions. Nevertheless, lingering trade weakness and constrained fiscal space continue to pose downside risks, tempering the momentum of the global recovery.

Highlighting recent economic performance, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, “Supported by resilient domestic demand, Malaysia's economy recorded a cumulative growth of 4.7 per cent in the first three quarters of 2025, moderating from 5.2 per cent in the corresponding period last year. The Services sector remained the main driver, underpinned by steady domestic demand, while Manufacturing expanded moderately and Construction continued to record strong

growth. Agriculture and Mining & Quarrying exhibited mixed performance, reflecting the effects of weather conditions and changes in commodity prices.”

Following Malaysia’s steady economic performance, the Industrial Production Index (IPI) strengthened further in October 2025, rising by 6.0 per cent year-on-year from 5.7 per cent in September. The Manufacturing sector led the expansion with a growth of 6.5 per cent, supported by continued expansion in Mining sector at 5.8 per cent, while the Electricity sector recorded a more moderate increase of 1.2 per cent. On a month-on-month basis, overall industrial production rebounded by 2.1 per cent, recovering from a marginal decline of 0.02 per cent in the previous month.

Momentum in the Manufacturing sector strengthened in October 2025, with total sales value rising 6.3 per cent year-on-year to RM171.7 billion (September: 4.3%), reflecting robust industrial activity and export-oriented production. At the forefront of growth, the Electrical & Electronics products sub-sector expanded 11.5 per cent, supported by higher output in export-driven industries. Growth was further underpinned by broader industrial demand across other manufacturing sub-sectors. On a month-on-month basis, manufacturing sales value increased 1.4 per cent compared with September 2025, indicating sustained domestic and international market momentum.

Taking a broader view of Malaysia’s Services sector, total sales in Wholesale & retail trade reached RM160.9 billion in October 2025, marking a 7.2 per cent year-on-year increase. Leading the momentum, Wholesale trade recorded RM71.2 billion in sales, up RM4.8 billion or 7.3 per cent from the previous year, reflecting robust commercial activity. Meanwhile, Retail trade contributed strongly with RM69.3 billion in sales, rising RM4.4 billion or 6.8 per cent year-on-year, supported by steady consumer demand. The Motor Vehicles sub-sector also performed well, posting RM20.4 billion in sales, up RM1.5 billion or 8.2 per cent compared to October 2024. On a month-on-month basis, overall sales increased 1.8 per cent, driven mainly by the Motor Vehicles sub-sector. The combined performance of these sub-sectors underscores the resilience and continued expansion of Malaysia’s Services sector.

Focusing on Malaysia’s external trade trends, Malaysia’s merchandise trade increased by 13.6 per cent year-on-year to RM277.6 billion in October 2025, supported by robust export performance. Exports rose 15.7 per cent to RM148.3 billion, while imports increased 11.2 per cent to RM129.3 billion. On a month-on-month basis, total trade grew 7.7 per cent, driven by higher exports (+6.7%) and imports (+8.9%). Consequently, the trade balance remained in surplus at RM19.0 billion, although it narrowed by 6.1 per cent compared with September 2025. The positive momentum continued in November 2025, with total trade rising 11.1 per cent year-on-year to RM263.8 billion, supported by gains in both exports and imports, while the trade surplus narrowed by 58.8 per cent to RM6.1 billion.

From a price perspective, Malaysia's inflation moderated to 1.3 per cent year-on-year in October 2025, down from 1.5 per cent in September. The moderation was largely influenced by slower increases in Food & Beverages (1.5%) and Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (1.1%), while higher price increases were recorded in Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (6.0%), Restaurants & Accommodation Services (3.4%), and Health (1.5%). On a month-on-month basis, headline inflation declined by 0.1 per cent, mainly due to lower prices in Transport and housing-related groups. Meanwhile, in November 2025, Malaysia's inflation edged up slightly to 1.4 per cent, reflecting modest price pressures across selected categories.

Looking at producer prices, Malaysia's Producer Price Index (PPI) for Local Production declined marginally by 0.1 per cent year-on-year in October 2025, easing from a larger contraction of 0.8 per cent in September. The decrease was mainly driven by lower prices in Manufacturing (-0.6%) and Mining (-1.0%), while increases were observed in Agriculture, Forestry & Fishing (+2.7%), Electricity & Gas Supply (+4.3%), and Water Supply (+10.8%). On a month-on-month basis, the overall PPI fell by 1.8 per cent in November, following a modest 0.1 per cent decline in October, reflecting continued fluctuations in producer prices.

On the labour market front, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin emphasised that Malaysia's labour force grew 2.8 per cent year-on-year to 17.06 million persons in October 2025 (October 2024: 17.10 million), while the number of employed persons increased 0.2 per cent month-on-month. The Labour Force Participation Rate (LFPR) remained steady at 70.9 per cent, marking a 0.3 percentage point rise from a year earlier. Meanwhile, the unemployment rate stayed at 3.0 per cent on a monthly basis, declining 0.2 percentage points year-on-year, reflecting continued resilience in Malaysia's labour market.

As reflected in Malaysia's Leading Index, the index advanced by 3.6 per cent year-on-year to 116.2 points in October 2025 (October 2024: 112.2), supported mainly by higher approvals of housing units, as well as notable increases in real imports of Semi Conductors and Other Basic Precious and Non-ferrous Metals. On a month-to-month basis, the index rose 2.6 per cent, with its smoothed long-term trend remaining above the 100.0-point level, signalling a more positive economic trajectory ahead.

Malaysia's economy remained resilient in the first ten months of 2025, underpinned by steady growth in Manufacturing, Services, and Construction, which supported sustained industrial production and manufacturing sales. This expansion was complemented by robust Wholesale & Retail trade and rising exports, helping to maintain a positive trade surplus. Despite these gains, inflation and producer prices remained moderate,

preserving household purchasing power. Stable employment and labour force participation further reinforced economic strength, while the Leading Index suggests a favourable short-term outlook, indicating that Malaysia is on track to maintain steady growth.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
31st December 2025**

Exhibit 1: Monthly Economic Indicator



Sales Value of Wholesale & Retail Trade

7.2%
October 2025




Volume Index of Wholesale & Retail Trade

5.7%
October 2025




Exports

7.0%
November 2025



Imports

15.8%
November 2025



Consumer Price Index (CPI)

1.4%
November 2025



Producer Price Index (PPI) Local Production

-1.8%
November 2025

